

Zin dilantik Ketua Perhubungan Melaka

KUALA LUMPUR, Jumaat — Majlis Tertinggi (MT) Umno hari ini melantik Ketua Menteri Melaka, Datuk Md Zin Abdul Ghani sebagai Ketua Perhubungan Umno negeri itu yang baru.

Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu juga turut melantik Md Zin sebagai ahli MT yang dilantik, berkuatkuasa serta merta.

"MT juga bersetuju melantik Md Zin sebagai Ketua Umno Bahagian Alor Gajah, Nordin Yakni sebagai Timbalan Ketua bahagian, Datuk Ali Majid (Naib Ketua) dan Long Said (Setiausaha)," katanya selepas mesyuarat itu, di sini.

Md Zin menggantikan Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik yang meletakkan semua jawatan politik dan kerajaan bulan lalu berikutan siasatan polis mengenai dakwaan hubungan sulitnya dengan pelajar perempuan

bawah umur.

Menjawab soalan pemberita, Perdana Menteri berkata rakyat Melaka yang tidak berpuas hati dengan isu pengambilan tanah oleh kerajaan negeri boleh membawa kes itu ke mahkamah.

Menurutnya, mereka boleh mengambil tindakan itu untuk menyuarakan rasa tidak puas hati jika beranggapan bayaran pampasan yang diberi kerajaan tidak berpatutan.

"Bagaimanapun, mereka perlu menerima apa sahaja keputusan mahkamah kerana ia adalah jalan penyelesaian terakhir yang boleh diambil," katanya.

Dr Mahathir berkata, undang-undang memperuntukkan pengambilan tanah tidak boleh dibuat melainkan dengan bayaran pampasan berpatutan.

"Dalam kes di Melaka, saya dapati lebih 90 peratus penduduk terbabit menganggap bayaran pampasan yang diberi

oleh kerajaan berpatutan dan mereka menerimanya.

"Masalah sekarang ialah cuma 10 peratus lagi yang tidak mahu menerima pampasan.

"Jadi susahlah sikit bagi kita nak melayan orang yang hendak lebih daripada yang dianggap patut oleh majoriti," katanya.

Perdana Menteri menegaskan, jika permintaan 10 peratus penduduk itu diterima kerajaan, pengambil tanah tidak dapat dilakukan sedangkan bagi pembangunan negara, kerajaan perlu mengambil alih atau mengambil balik tanah.

Beliau juga berkata, kawasan yang terbabit dengan pengambilan tanah di Melaka juga terdedah kepada bahaya dan boleh mengancam keselamatan penduduk di situ.

"Kerajaan mahukan mereka keluar dari kawasan itu untuk keselamatan mereka sendiri.

"Jika berlaku sebarang

kecelakaan ke atas mereka, kerajaan juga akan dikecam. Oleh itu, saya minta kerjasama semua pihak supaya memahami bahawa tindakan ini diambil demi kepentingan penduduk sendiri," katanya.

Mengenai dakwaan bahawa kerajaan menjadi orang tengah untuk mengambil tanah penduduk, Dr Mahathir berkata kerajaan bukan hanya mengambil tanah penduduk semata-mata malah milik syarikat gergasi bagi membantu golongan kurang berada.

"Ketika itu, penduduk menganggap tindakan kerajaan betul tetapi oleh kerana masalah ini dipolitikkan oleh parti lawan yang hendak mencari isu, maka ia menjadi masalah kepada kita.

"Parti lawan berpendapat mereka tidak mungkin boleh menjadi kerajaan. Jadi, mereka bolehlah menentang pengambilan tanah ini," katanya.